

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI ISNIN : 27 NOVEMBER 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10, 11 HINGGA NO. 36)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam melihat dan menilai pelaksanaan projek kediaman mampu milik di Permatang Pauh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan matlamat Dasar Perumahan Negara (2018 – 2025) untuk menyediakan perumahan yang inklusif, berkualiti, mampu dimiliki dan berdaya huni, Kerajaan sentiasa memberikan komitmen dalam menyediakan program perumahan mampu milik bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Ini adalah bagi memastikan setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan dengan konsep perumahan sebagai tempat tinggal (*shelter for all*).

Bagi membantu golongan B40 dan M40, terdapat empat (4) program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Pulau Pinang iaitu:

(1) Program Perumahan Rakyat (PPR)

KPKT membina PPR bagi memenuhi keperluan rakyat B40. Terdapat sebanyak enam (6) projek yang merangkumi empat (4) projek dengan 999 unit rumah telah siap dibina dan dua (2) projek dengan 1,000 unit dalam perancangan di negeri Pulau Pinang.

(2) Program Rumah Mesra Rakyat (RMR)

Program ini dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan mampu memberi manfaat kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Sehingga kini, terdapat 587 unit RMR telah siap dibina dan 45 unit dalam pembinaan di Pulau Pinang.

(3) Kediaman SPNB

Program ini dilaksanakan SPNB dan merupakan program perumahan mampu milik bagi golongan berpendapatan dalam kategori B40. Terkini di Pulau Pinang, 1 projek dengan 404 unit Kediaman SPNB telah siap dibangunkan.

(4) Program Perumahan PR1MA

Program ini merupakan program RMM untuk golongan berpendapatan dalam kategori M40 yang dilaksanakan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA). Terkini, di negeri Pulau Pinang terdapat tiga (3) projek PR1MA dengan 3,867 unit yang mana satu (1) projek dengan 1,017 unit telah siap dibina dan dua (2) projek dengan 2,850 unit sedang dalam pembinaan.

Terkini, di Parlimen Permatang Pauh terdapat 42 unit RMR yang telah siap dibina dan tiga (3) unit RMR sedang dalam pembinaan di Permatang Pauh. Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) pula mempunyai satu (1) projek di Permatang Pauh iaitu Residensi Pauh Permai dengan 1,017 unit yang telahpun siap dibina. KPKT belum mempunyai perancangan untuk membina PPR atau Kediaman SPNB di Permatang Pauh. KPKT akan meneruskan kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan akses rakyat kepada perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kesediaan Kementerian dalam menyeimbangkan jurang literasi digital di antara penduduk Malaysia terutamanya bandar, pinggir bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) sentiasa cakna melaksanakan inisiatif dan usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan dan menyeimbangi literasi digital di kalangan rakyat baik di bandar, pinggir bandar mahupun di luar bandar dalam usaha mewujudkan masyarakat celik teknologi dan digital.

Bagi memastikan semua murid sekolah di seluruh negara dilengkapi dengan literasi digital, KKD melalui Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah melancarkan program #mydigitalmaker. Program #mydigitalmaker telah memanfaatkan 2.5 juta orang murid sejak dilancarkan pada 2016. Inisiatif #mydigitalmaker menyediakan pelbagai platform khusus untuk mengasah bakat dan kemahiran murid sekolah dalam pelbagai bidang teknologi digital termasuklah pengekodan, robotik, pembangunan aplikasi, analisis data dan pengoperasian dron. Karnival #mydigitalmaker diadakan di lima zon setiap tahun bagi memastikan program ini dapat disertai oleh murid-murid daripada pelbagai negeri dan latar belakang.

Selain itu, kempen Jelajah Saya Digital telah diperkenalkan sejak tahun 2021 oleh KKD. Kempen berkenaan mendedahkan rakyat kepada pelbagai inisiatif ekonomi digital sedia ada yang memberi tumpuan kepada empat teras utama iaitu Saya Digital Literasi, Saya Digital Bisnes, Saya Digital *Freelance* dan Saya Digital Kerjaya. Jelajah Saya Digital ini telah dilaksanakan di 50 lokasi di seluruh negara sejak pertengahan tahun 2021 dan berjaya mengubah cara hidup rakyat dalam mendepani cabaran ekonomi digital. Seramai 19,453 individu telah menerima manfaat dari siri jelajah ini. Jelajah Saya Digital ini bakal diteruskan ke 30 lokasi yang telah dikenal pasti di seluruh negara. 40,000 orang bakal menerima manfaat menerusi kesinambungan siri Jelajah Saya Digital ini.

Selain mempertingkatkan kemahiran digital, KKD melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) juga memberi penekanan dari sudut advokasi, kesedaran serta kawal selia

SOALAN NO: 12

kendiri dalam usaha menguatkan daya ketahanan serta kesedaran pengguna untuk menggunakan apa jua platform komunikasi dengan positif, produktif dan bertanggungjawab serta tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada.

MCMC berusaha meningkatkan literasi digital dengan cara mendidik masyarakat supaya sentiasa bertanggungjawab serta cakna dalam memastikan kesahihan maklumat yang diterima sebelum membuat perkongsian. Untuk tujuan ini, Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh MCMC telah menerima 2 juta *hits* setiap bulan dan sehingga 15 November 2023, sebanyak 3,111 artikel telah pun diterbitkan di portal Sebenarnya.my.

MCMC juga turut mengadakan program-program advokasi dan kempen kesedaran di seluruh negara melalui program Klik Dengan Bijak (KDB) dan Sukarelawan ICT Malaysia [(*Malaysia ICT Volunteer (MIV)*)]. Perkongsian ini menyasarkan golongan warga emas dan remaja di mana mereka didedahkan dengan topik berita palsu dan undang-undang yang berkaitan bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang bahaya penyebaran berita palsu.

Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) untuk meningkatkan literasi digital dan menyediakan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar dan pedalaman serta masyarakat yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah di kawasan bandar. Sehingga suku ketiga tahun 2023, terdapat 430 DUN yang mempunyai PEDi. Di bawah inisiatif 1 DUN : 1 PEDi, sebanyak 186 PEDi baharu akan dilaksanakan di 170 DUN seluruh Malaysia.

Semua inisiatif ini dilaksanakan secara berterusan di seluruh negara bagi memastikan jurang digital bagi penduduk di kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar dapat diseimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluas undang-undang Seksyen 17A Akta SPRM untuk turut terpakai ke atas penjawat awam.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] memperuntukkan bahawa suatu organisasi komersial melakukan suatu kesalahan jika mana-mana orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu melakukan rasuah untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah untuk organisasi komersial itu.
2. Dalam erti kata lain, seksyen 17A Akta 694 ini meletakkan beban pencegahan rasuah terhadap organisasi komersial untuk mencegah rasuah.

3. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, peruntukan liabiliti korporat ini selaras dengan standard antarabangsa yang mengkehendaki kewujudan peruntukan undang-undang berhubung dengan kesalahan oleh *legal person*. *Legal person* merupakan entiti yang diwujudkan melalui perundangan seperti syarikat, pertubuhan dan jawatan tertentu.

4. Kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen 17A Akta 694 tidak sesuai untuk diperluas untuk terpakai bagi penjawat awam dengan mempertanggungjawabkan Ketua Jabatan atas kesalahan penjawat awam yang menerima suapan. Hal ini demikian kerana kesalahan melakukan rasuah oleh penjawat awam merupakan perlakuan individu dan seseorang Ketua Jabatan tidak akan mengizinkan kakitangan di bawah seliaan mereka untuk menerima rasuah, apalagi jika mereka terbabit sama menerima suapan.

5. Di bawah Akta 694, terdapat peruntukan kesalahan membabitkan rasuah yang boleh dikenakan terhadap penjawat awam, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 16, 17, 18, 19, 20, 21 dan 23, dan juga kesalahan-kesalahan lain yang ditetapkan di bawah Akta 694. Peruntukan-peruntukan sedia ada ini adalah memadai dan cukup luas bagi mencegah rasuah dalam kalangan penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini penjualan 33% saham Boustead Plantations Bhd oleh Boustead Holdings Bhd dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) kepada Kuala Lumpur Kepong (KLK) Bhd.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sepertimana yang telah dimaklumkan dalam sesi Penerangan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini pada 9 Oktober 2023 lalu, iaitu berkenaan isu dan cabaran yang dihadapi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT); Perjanjian Kerjasama Strategik (SCA) di antara LTAT, Boustead Holdings Berhad (BHB) dan Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK) tidak diteruskan dan telah ditamatkan pada 4 Oktober 2023. Penamatan ini merupakan keputusan komersial yang dibuat bersama atau *mutual termination* oleh semua pihak, dengan mengambil kira kepentingan strategik LTAT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana jumlah RM100 juta dana yang diberikan kepada MITRA telah diagihkan tahun ini. Nyatakan senarai penerima dana MITRA dan jumlah wang yang telah diagihkan.

JAWAPAN**YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah memanfaatkan sepenuhnya peruntukan berjumlah RM100 juta bagi tahun 2023 dengan jumlah kelulusan program sebanyak RM103.9 juta sehingga 30 September 2023, seperti berikut: -

Bil	Nama Program	Organisasi	Kos (RM)
1	Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta (Tamil) Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Tadika (Permohonan)	10,800,000.00
2	Subsidi Bantuan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Bagi Pelajar India B40 Di Universiti Awam & Swasta	Bank Simpanan Nasional	20,000,000.00
3	Program Licensed Aircraft Maintenance Technicians - Lamt "(CAAM Part 66 Category A1/A3)	Weststar Aviation Servicess (WASSB)	6,000,000.00
4	Program Teknikal Drone Operations & Data Services (DOD)	SG Education Group	1,483,500.00
5	Electrified Automation Advancement Programme (EAAP)	SG Education Group	2,875,000.00
6	Program Bantuan Komputer Riba (Refurbished) Untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	Cloudspace (Google For Education)	2,994,000.00

Bil	Nama Program	Organisasi	Kos (RM)
7	Program Bantuan Subsidi Dialisis MITRA	Pusat Dialisis (Permohonan)	8,640,000.00
8	Program Pembangunan Sosioekonomi Bersasar Dengan Kerjasama Dengan 72 Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen	Pusat Khidmat Ahli Parlimen	7,200,000.00
9	Permohonan Geran oleh Organisasi	Organisasi	30,000,000.00
10	Program Ariviyal Ainthiram (Pemeriksaan Literasi Stem Untuk Murid Sekolah Tamil Di Malaysia)	Malaysian Biotechnolgy Information Centre (MABIC)	698,227.00
11	Program Pembasmian Miskin Tegar Mitra Untuk Ahli Isi Rumah (Air) Berbangsa India Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bank Simpanan Nasional	8,247,958.00
12	Program Bantuan Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) MITRA	Dewan Perniagaan	5,000,000.00
JUMLAH			103,938,685.00

2. Dalam hal ini, sehingga 17hb November 2023 pula, sebanyak RM62.8 juta telah disalurkan seperti berikut: -

Bil	Skop	Perbelanjaan (RM)
1	Program Pembangunan Modal Insan Masyarakat India	29,974,305.00
2	Program Pembangunan Keusahawanan Dan Kerjaya Masyarakat India	22,261,186.47
3	Program Pembangunan Sosial Dan Kebajikan, Kerohanian Dan Kesejahteraan Masyarakat India	10,654,917.75
Jumlah		62,890,409.22

3. Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, senarai penerima dana MITRA bagi program-program di atas dan jumlah dana yang telah diterima (selepas penyaluran telah selesai dibuat) dipaparkan dalam laman web MITRA melalui pautan <https://www.mitra.gov.my/index.php/bm/program-mitra/program-tahun-2023>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[SUBANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha terkini dalam membantu Hemakavin A/L Karthigesu, seorang warga Malaysia yang telah menjadi mangsa sindiket keldai dadah dan dijatuhkan hukuman di Kemboja.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Encik Hemakavin A/L Karthigesu telah ditahan oleh pihak berkuasa negara Kemboja pada 10 November 2016 atas kesalahan berkaitan dadah. Beliau telah selesai menjalani proses perundangan dengan diwakili peguam tempatan dan telah didapati bersalah mengikut undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa negara Kemboja. Beliau telah dijatuhi hukuman penjara selama 25 tahun pada 28 Julai 2017. Kes ini juga telah dibawa sehingga ke peringkat Mahkamah Rayuan pada 26 Februari 2018 yang telah menolak rayuan beliau dan seterusnya mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia melalui Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja telah melakukan beberapa pertemuan dengan pihak berkuasa negara Kemboja bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan proses permohonan pengampunan. Namun begitu, pihak Kedutaan Besar Malaysia telah dimaklumkan bahawa pertimbangan kurniaan pengampunan Diraja kepada tahanan yang telah menjalani hukuman selama 20-30 tahun hanya boleh dikurangkan satu tahun atau kurang 1/3 dari tempoh tersebut. Namun demikian, keutamaan diberikan kepada tahanan wanita dan orang tua, serta tidak melibatkan kesalahan berkaitan dadah.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menjaga kebajikan beliau, Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh sentiasa melaksanakan lawatan konsular ke atas Encik Hemakavin dan menghulurkan bantuan sewajarnya sejak beliau ditempatkan di penjara. Lawatan konsular yang

SOALAN NO : 16

terkini telah diadakan pada 26 Julai 2023 di *Correctional Center 1*, Phnom Penh. Encik Hemakavin serta tahanan yang lain turut diberikan sumbangan seperti peralatan kebersihan diri, ubat-ubatan dan makanan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sepertimana semua sedia maklum, dasar luar negara Malaysia adalah berpandukan prinsip-prinsip menghormati kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan sikap tidak mencampuri urusan negara lain, penyelesaian secara aman, kewujudan bersama secara harmoni dan hubungan yang saling memmanfaatkan. Sehubungan dengan itu, dalam hal ini, Kerajaan Malaysia telah berusaha sedaya upaya untuk menyalurkan bantuan sewajarnya dalam ruang lingkup kuasa yang dimiliki yang tidak melanggar prinsip kedaulatan negara Kemboja sebagaimana kita juga mahukan negara luar agar menghormati undang-undang dan Perlembagaan Negara.

6. Kementerian ini tetap prihatin akan situasi yang dihadapi oleh Encik Hemakavin dan akan meneruskan lawatan konsular secara berkala ke atas beliau bagi memastikan hak dan kebajikan beliau sentiasa terpelihara. Saya mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan warganegara Malaysia supaya sentiasa berwaspada semasa melakukan perjalanan ke luar negara dan menghormati undang-undang tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesediaan untuk meningkatkan nilai modal diterbitkan (*paid up capital*) yang lebih tinggi bagi memastikan hanya pemaju berkeupayaan yang boleh memohon lesen pemajuan perumahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, nilai modal diterbitkan (*paid up capital*) adalah salah satu syarat yang dikenakan terhadap pemaju sebelum pemaju boleh diluluskan pemberian lesen pemaju perumahan sebagaimana dinyatakan di bawah Seksyen 6, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Pada masa kini, modal diterbitkan dan modal terkumpul secara tunai yang ditetapkan di bawah Akta 118 adalah sebanyak RM250,000.00, iaitu satu nilai yang dipertimbangkan berdasarkan situasi sebelum tahun 2002. Merujuk kepada data purata harga rumah yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) bagi tahun 2010 dan tahun 2022, terdapat peningkatan harga rumah hampir 100%. Justeru, selepas 20 tahun modal terbitan RM250,000 diperkenalkan, nilai ini tidak menggambarkan keupayaan pemaju untuk membangunkan sesebuah pemajuan perumahan.

KPKT sememangnya telah mengadakan perbincangan dalaman dan penelitian bersama kumpulan-kumpulan pakar untuk meminda Akta 118 termasuk menetapkan semula nilai modal diterbitkan ini ke satu kadar yang lebih tinggi dan relevan dengan situasi semasa industri perumahan. Penetapan semula kadar nilai modal diterbitkan ini akan dapat memastikan bahawa hanya pemaju yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan rekod pelaksanaan penyempurnaan projek yang baik sahaja dapat memohon lesen dan permit pemaju perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian juga sedang mengkaji untuk menetapkan supaya kekuatan kewangan sesebuah syarikat pemaju itu hendaklah mencapai tahap tertentu sebelum Lesen Pemaju atau Permit Iklan dan Jualan boleh diberikan kepada pemaju berkenaan. Ini termasuklah semakan terhadap untung rugi sesebuah syarikat, liabiliti yang sedang ditanggung dan kekuatan fasiliti pinjaman syarikat. Mekanisma penetapan kekuatan kewangan sesebuah syarikat pemaju ini sedang dalam penelitian Jabatan Perumahan Negara dan akan dimasukkan dalam cadangan pindaan Akta 118.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kepentingan kepada Malaysia terhadap pendirian '*two-states solution*' seperti yang dinyatakan oleh YAB. Perdana Menteri bagi merealisasikan kewujudan dua negara iaitu Palestin dan Israel serta pendirian Malaysia berkaitan langkah normalisasi Israel yang disokong beberapa buah negara lain.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seperti yang telah saya tegaskan sebelum ini, dasar luar negara Kerajaan Malaysia mengenai isu Palestin adalah jelas dan tidak pernah berubah. Ia kekal menjadi salah satu tunjang dasar luar negeri, tidak pernah luntur atau hilang dari sanubari kita.

3. Sekali lagi, saya ingin menegaskan pendirian dan dasar luar Malaysia yang secara tegas menolak sebarang usaha atau pun kenyataan bahawa Malaysia akan menyertai Perjanjian Abraham dan akan menormalisasi hubungan dengan Israel sehinggalah Palestin mendapat kembali hak mereka yang telah dirampas oleh rejim Zionis sejak sekian lama. Pendirian Malaysia berpaksi kepada dua syarat utama iaitu:

- a. Penduduk Palestin diberikan semula hak mutlak bebas daripada pendudukan haram Israel dan dikembalikan tanah mereka yang telah dirampas oleh rejim Zionis; dan
- b. hak membentuk sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis sebagai ibu kota Palestin.

4. Malaysia terbuka untuk menerima apa jua pendekatan penyelesaian bagi merungkaikan isu Palestin secara menyeluruh demi keamanan berpanjangan di rantau Asia Barat. Namun, saya tegaskan di sini, ia **mestilah** memenuhi kedua-dua teras utama seperti yang saya tekankan di atas, dan penyelesaian ini diterima sepenuhnya oleh rakyat Palestin.

5. Sokongan Malaysia ke atas isu Palestin bukan hanya sekadar kepentingan agama, akan tetapi meliputi hal kemanusiaan sejagat, khususnya nilai-nilai keadilan untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pendirian lantang dan tegas Malaysia telah kerap kali dinyatakan secara jelas dan terang di setiap lapangan, keadaan dan masa. Ia termasuk di Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

7. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada 22 September 2023 lalu, telah dengan tegas menekankan pendirian Malaysia mengenai isu Palestin.

8. Ketegasan Malaysia juga jelas dapat dilihat menerusi kenyataan keras yang seringkali dikeluarkan negara dalam mengecam dan membantah segala bentuk provokasi dan tindakan keganasan rejim Israel. Ia termasuk menggesa masyarakat antarabangsa khususnya Majlis Keselamatan PBB (UNSC) untuk terus menekan rejim Israel agar menghentikan dasar apartheid, dan tindakan tidak berperikemanusiaan terhadap rakyat Palestin.

9. Atas tekanan politik yang berterusan ini, Majlis Keselamatan PBB telah menerima pakai Resolusi 2712 (2023)¹ mengenai situasi di Palestin. Resolusi ini, antara lain, menuntut semua pihak mematuhi undang-undang antarabangsa, dan meminta supaya gencatan kemanusiaan (atau dengan izin, *humanitarian pause*) dan koridor kemanusiaan (atau dengan izin, *humanitarian corridors*) di Semenanjung Gaza dilaksanakan dengan segera bagi membolehkan bantuan kemanusiaan, termasuk air, elektrik, minyak, makanan dan bantuan perubatan, disalurkan kepada mereka yang memerlukan, khususnya golongan kanak-kanak.

10. Malaysia turut menyertai beberapa negara lain dalam mengemukakan kenyataan bertulis kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 25 Julai 2023 mengenai pendudukan, penempatan haram dan pengilhakan (atau dengan izin, *forceful annexation*) yang berpanjangan Israel ke atas Wilayah Palestin sejak tahun 1967.

11. Saya sesungguhnya amat berterima kasih atas sokongan berterusan dan keprihatinan daripada semua Ahli Yang Berhormat mengenai isu Palestin. Di Dewan yang mulia ini, seringkali wujud percanggahan dan perbalahan antara pihak Kerajaan dan pembangkang untuk pelbagai isu. Namun, seandainya ia menyentuh isu Palestin, Dewan yang mulia ini bergegar dengan suara keramat kesemua Ahli-Ahli Dewan. Kita menjadi satu, senada dan sehati sejiwa menyokong perjuangan dan hak rakyat Palestin.

Sekian, terima kasih.

¹ Resolusi 2712 (2023) telah diterima pakai dengan undian 12 bersetuju (Albania, Brazil, China, Ecuador, Emiriah Arab Bersatu, Gabon, Ghana, Jepun, Malta, Mozambique, Perancis dan Switzerland) dan **tiga (3) berkecuali (Rusia, United Kingdom dan Amerika Syarikat).**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[DAMANSARA]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [DAMANSARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah atau cadangan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meletakkan Suruhanjaya Pecegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pilihan Raya di bawah penyeliaan dan pengawasan Parlimen, sekiranya ada, apakah cadangannya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat terbuka akan pandangan dan saranan yang disuarakan daripada pelbagai pihak bagi meningkatkan keberkesanan Suruhanjaya Pecegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
2. Dalam penunaian fungsinya, SPRM dan SPR tetap utuh kepada dua asas utama iaitu prinsip pengasingan kuasa (*separation of powers*) dan keluhuran undang-undang (*rule of law*). Selaras dengan prinsip di atas, SPRM dan SPR adalah bebas dalam menjalankan tugas-tugas tanpa sebarang campur tangan dari mana-mana pihak.
3. Cadangan untuk meletakkan SPRM dan SPR di bawah seliaan Parlimen memerlukan kajian dan penelitian yang menyeluruh agar selari dan tidak bercanggah dengan konsep pengasingan kuasa legislatif dan eksekutif dalam sistem pentadbiran negara. SPRM dan SPR selaku badan pelaksana eksekutif perlu dilihat bebas agar berupaya menunaikan fungsinya dengan telus, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kenapa Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) ingin menjual tanah kepunyaan Boustead Plantation seluas 4700 hektar kepada syarikat KL Kepong Berhad sedangkan tanah tersebut memberi pulangan yang besar kepada LTAT setiap tahun.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sepertimana yang telah dimaklumkan dalam sesi Penerangan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini pada 9 Oktober 2023 lalu, iaitu berkenaan isu dan cabaran yang dihadapi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT); Perjanjian Kerjasama Strategik (SCA) di antara LTAT, Boustead Holdings Berhad (BHB) dan Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK) tidak diteruskan dan telah ditamatkan pada 4 Oktober 2023. Penamatan ini merupakan keputusan komersial yang dibuat bersama atau *mutual termination* oleh semua pihak, dengan mengambil kira kepentingan strategik LTAT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH]
minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan kriteria yang perlu diambil kira oleh Kementerian untuk
melayakkan sesebuah bangunan awam seperti pasar untuk dibaik pulih
atau dibina baharu bagi memastikan keselamatan dan keselesaan rakyat
terpelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) sentiasa memberikan fokus dan keutamaan kepada projek-projek infrastruktur, kemudahan awam, sosioekonomi dan keselamatan di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui penyaluran peruntukan di bawah projek-projek kecil BP.1. KPKT telah menetapkan kriteria-kriteria asas bagi mempertimbangkan cadangan pelaksanaan projek kemudahan awam seperti pasar yang berimpak tinggi, berkualiti dan menyumbang keberkesanan kos kepada negara amnya dan rakyat khususnya seperti berikut:

- i. projek yang dicadangkan oleh PBT dapat menyelesaikan masalah kritikal dan memerlukan pelaksanaan segera untuk manfaat orang ramai;
- ii. projek yang dicadangkan oleh PBT dijangka dapat meningkatkan pendapatan kepada PBT dan peniaga; dan
- iii. mulai tahun 2023, KPKT mengutamakan penggunaan instrumen penilaian projek seperti Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Studies*), Indeks Kesahan dan Kebolehpercayaan (*Credibility Reliability Index*), Analisis Kos Faedah (*Cost Benefit Analysis*) dan Pulangan Pelaburan (*Return on Investment*) bagi projek sosioekonomi untuk mempertimbangkan cadangan-cadangan projek yang dikemukakan oleh PBT dari aspek potensi, risiko dan penggunaan sumber yang efisien.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN
KASIM [ARAU]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 [ISNIN]

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kajian semula sistem saraan perkhidmatan awam berikutan kenyataan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 14 Julai 2023 bahawa Kerajaan telah bersetuju mengkaji semula sistem saraan perkhidmatan awam dengan mengambil kira "peningkatan kos sara hidup dan tiadanya semakan gaji dibuat sejak 2012" dan "perincian lanjut akan dibincangkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri".

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan komitmen Kerajaan dalam menjaga kebajikan penawat awam, Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sedang dilaksanakan dan akan disempurnakan pada pertengahan tahun 2024 dengan sistem saraan perkhidmatan awam yang baharu akan berkuat kuasa secara berfasa mulai tahun 2025.
2. Secara umumnya, fokus kajian ini meliputi aspek dasar-dasar pengurusan sumber manusia daripada sebelum lantikan, semasa dalam perkhidmatan dan selepas tamat perkhidmatan dengan bertunjangkan kepada tiga (3) skop utama iaitu Pembangunan Organisasi, Kemampunan Saraan dan Pengurusan Bakat.
3. Bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan mengikut jadual, ia digerakkan berdasarkan empat (4) komponen utama iaitu Pengumpulan Input, Analisis, Pengurusan Laporan dan Pengurusan Perubahan.
4. Status terkini pelaksanaan kajian ini melibatkan soal selidik dan sesi libat urus bersama penjawat awam di kementerian/agensi Kerajaan dan semua negeri. Ia bertujuan untuk memastikan keterlibatan semua penjawat awam meliputi semua skim perkhidmatan menerusi sesi penerangan berkenaan Kajian SSPA serta pada masa yang sama bagi mendapatkan input serta maklum balas lengkap daripada penjawat awam ke arah memantapkan kajian ini.

5. Sehingga 10 November 2023, sebanyak enam (6) sesi libat urus melibatkan kelompok perkhidmatan kementerian/ agensi serta 13 sesi libat urus di peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melibatkan kesemua negeri dan wilayah telah dilaksanakan.
6. Selain itu, platform atas talian iaitu Portal kajian SSPA menerusi pautan <https://semakansaraan.jpa.gov.my> juga telah dibangunkan bagi membolehkan penjawat awam mengemukakan cadangan pembaharuan dan penambahbaikan berkaitan sistem saraan sedia ada. Sehingga 22 November 2023, sejumlah 43,446 responden telah mengemukakan sebanyak 109,520 cadangan menerusi portal Kajian SSPA.
7. Fokus semasa kajian pada masa kini adalah tertumpu ke arah pembentukan struktur perkhidmatan awam yang bersifat dinamik, berpaksikan rakyat serta kalis masa hadapan. Ini akan menjadi asas kepada aspek-aspek lain dalam kajian ini yang meliputi penetapan struktur saraan, dasar pelantikan dan dasar kenaikan pangkat.
8. Laporan Interim kajian SSPA dijangka akan dibentangkan kepada YAB Perdana Menteri pada penghujung tahun ini.
9. Kerajaan prihatin dengan peningkatan kos sara hidup dan sementara Kajian SSPA dimuktamadkan serta dilaksanakan, Kerajaan telah bersetuju membayar insentif awal Kajian SSPA sebanyak RM2,000.00 kepada semua penjawat awam pada gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak. Selain itu, RM1,000.00 tambahan kepada semua jawatan utama sektor awam termasuk polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform serta pesara kerajaan (termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen). Bayaran insentif ini akan dibuat pada akhir Februari 2023 bagi meringankan beban persediaan persekolahan serta persiapan menjelang bulan Ramadhan dan Syawal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 | ISNIN

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan mengikut tahun sejak 2013 hingga 2023, berapakah jumlah jemaah haji dari Sarawak. Berapa jumlah umat Islam di Sarawak yang masih menunggu giliran untuk menunaikan ibadah haji serta nyatakan bagaimana sistem kuota ini dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Statistik Jumlah Jemaah Haji Negeri Sarawak adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Jemaah Keseluruhan
2013/1434H	668
2014/1435H	673
2015/1436H	868
2016/1437H	739

2017/1438H	1305
2018/1439H	1181
2019/1440H	995
2020/1441H	Tiada haji
2021/1442H	Tiada haji
2022/1443H	397*
2023/1444H	929

* Kuota rasmi semua negara dikurangkan kepada 45%.

Sehingga 4 Oktober 2023 jumlah umat Islam di Sarawak yang masih menunggu giliran untuk menunaikan ibadah haji adalah seramai 114,682 orang iaitu 2.9% dari 3.9 juta umat Islam seluruh Malaysia yang telah daftar haji.

2. Pihak Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1% daripada jumlah penduduk negara Islam berkenaan.

3. Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengamalkan sistem pendaftaran haji terbuka dengan kaedah pemilihan berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu, didahulukan. Sistem pengiliran tunai haji ini telah bermula sejak tahun 1995, iaitu setelah penetapan kuota rasmi setiap negara dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Kerajaan Arab Saudi.

4. Bagi memberi peluang kepada seramai mungkin mereka yang belum tunai haji untuk terpilih ke Tanah Suci, pada Januari 2010 **TH** telah menghadkan kebenaran pendaftaran semula bagi mereka yang telah tunai haji iaitu 5 tahun selepas tarikh tunai haji. Untuk memperketatkan lagi inisiatif ini mulai Januari 2019, semua yang telah tunai haji tidak dibenarkan daftar haji semula.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan susulan kes mahkamah seperti Iki Putra melawan Kerajaan Selangor dan Nik Elin melawan Kerajaan Kelantan yang mencabar bidangkuasa Mahkamah Syariah, adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mempertahankan kedudukan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 November 2023 yang lalu dalam dewan yang mulia ini telah menegaskan komitmen Kerajaan dalam mempertahankan dan mengangkat martabat mahkamah Syariah di negara ini.
2. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengambil tindakan dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas dengan melantik pakar perundangan untuk menganggotainya susulan daripada titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Agama Islam Malaysia (MKI) pada 28 Ogos 2023 yang lalu supaya sebuah Jawatankuasa Khas ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa Khas ini juga telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja dalam persidangannya 2 minggu yang lalu.
3. Jawatankuasa Khas ini bertanggungjawab untuk mengkaji isu-isu yang melibatkan bidang kuasa Persekutuan dan Negeri khususnya berkaitan dengan kompetensi DUN mengenai penggubalan undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah menurut butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan mencari satu jalan penyelesaian yang terbaik dan harmoni.

4. Jawatankuasa Khas ini dianggotai oleh:

- (a) mantan Ketua Hakim Negara sebagai Pengerusi;
- (b) mantan-mantan Hakim;
- (c) wakil-wakil daripada Jabatan Peguam Negara;
- (d) wakil daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia;
- (e) wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri;
- (f) ahli-ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang undang-undang sivil, syariah dan Perlembagaan Persekutuan; dan
- (g) peguam-peguam syarie dan sivil yang berpengalaman luas.

5. Jawatankuasa Khas ini dijangka akan bersidang untuk kali pertama pada 4 Disember 2023 bagi menetapkan hala tuju dalam pelaksanaan kajian dan penyelidikan seterusnya mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada masalah perundangan Islam di Malaysia.

6. Justeru, Kerajaan akan mempertimbangkan apa-apa cadangan, termasuklah untuk meminda Perlembagaan Persekutuan selepas menerima dapatan kajian dan syor-syor yang akan dibuat oleh Jawatankuasa ini.

7. Ini merupakan salah satu usaha dan komitmen Kerajaan untuk menyelesaikan isu konflik bidang kuasa antara Persekutuan dengan negeri dan antara mahkamah sivil dengan mahkamah Syariah demi memartabatkan dan memperkasa perundangan syariah dan sistem kehakiman Syariah di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah gas yang dikeluarkan daripada Sabah sama ada dalam bentuk Liquefied Natural Gas (LNG) ataupun dalam bentuk natural gas.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah purata pengeluaran gas asli dari luar pesisir pantai Sabah bagi tahun 2023 adalah sebanyak 869 juta kaki padu sehari (million standard cubic feet per day - MMscf/d). Daripada jumlah pengeluaran tersebut, sekitar 57% adalah untuk keperluan pasaran industri domestik dan penjana tenaga elektrik di Sabah, manakala selebihnya adalah bagi kegunaan gas asli cecair (LNG).
2. Untuk meningkatkan lagi kerjasama antara Kerajaan Negeri Sabah dan PETRONAS dalam membangunkan industri minyak dan gas di Sabah, kedua-dua pihak telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Komersial (*Commercial Collaboration Agreement*, atau CCA) pada 7 Disember 2021.
3. Beberapa hasil kerjasama yang rapat di antara PETRONAS dan Kerajaan Negeri Sabah telah meraih pencapaian, termasuk pemeteraian beberapa perjanjian gas di antara PETRONAS dan Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. (SEC) yang melibatkan perjanjian bekalan gas asli dan pertukaran dokumen perjanjian jual beli aset dan perniagaan gas. Peningkatan penyertaan GLC negeri dalam industri minyak dan gas diharapkan akan membuka lebih peluang untuk anak tempatan dari segi peluang pekerjaan dan pemupukan bakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL (BERSARA) [LUMUT]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status tindakan pendakwaan mengenai Projek Kapal Tempur Pesisir (LCS) seperti yang disyorkan dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Penggal Ke-14 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Wong Kah Woh.

JAWAPAN

YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan ini dimaklumkan bahawa status terkini kes LCS masih dalam siasatan dan siasatan tersebut melibatkan transaksi kewangan bagi akaun-akaun di luar negara dan beberapa prosedur kewangan yang perlu dipatuhi bagi membolehkan ia digunakan sebagai keterangan yang boleh diterima masuk di Mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat peguam yang memberi khidmat kepada anak guam untuk sesuatu perkhidmatan, tetapi apabila urusan selesai peguam tersebut gagal menyerahkan hasil perkhidmatan tersebut kepada anak guam. Apakah langkah untuk melindungi hak anak guam.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI**

Untuk makluman Yang Berhormat, hal ini merupakan satu perkara antara peguam dan anak guam. Oleh yang demikian, perkara tersebut perlu dikendalikan antara kedua pihak tersebut sahaja dan tidak melibatkan urusan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 [ISNIN]

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kes sejak negara mencapai kemerdekaan yang telah dimohon oleh Peguam Negara untuk dihentikan prosiding selepas kes tersebut berjaya membuktikan wujudnya *prima facie* di mahkamah dan tertuduh diminta untuk membela diri.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perintah untuk dilepas tanpa dibebaskan (*discharge not amounting to acquittal*) ("DNAA") merupakan suatu perintah yang lazim diberikan oleh Mahkamah dalam mana-mana peringkat kes pendakwaan. Oleh itu, terdapat banyak kes yang telah dilepaskan tanpa dibebaskan di Malaysia yang terlalu banyak jumlahnya (*unquantified*).

2. Suatu permohonan untuk perintah dilepas tanpa dibebaskan (*discharge not amounting to acquittal*) (“DNAA”) yang dibuat kepada mahkamah adalah berdasarkan kepada keterangan serta fakta kejadian. Penilaian keterangan dan bukti yang dikemukakan serta kuasa untuk memberikan perintah DNAA merupakan perkara di bawah bidang kuasa mahkamah.

3. Kes-kes pendakwaan telah diberikan perintah DNAA disebabkan oleh beberapa faktor antaranya, pengadu telah menarik balik laporan polis yang dibuatnyaa, saksi tidak hadir ke mahkamah dan gagal dikesan, saksi melarikan diri ke luar negara, saksi telah meninggal dunia atau terdapat perkembangan baharu dari segi keterangan semasa perbicaraan berlangsung.

4. Sebagaimana semua sedia maklum, Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan budi bicara yang penuh kepada Peguam Negara untuk, antara lainnya, memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan. Kuasa ini juga diperuntukkan di bawah subseksyen 254(1) Kanun Tatacara Jenayah yang dibaca bersama dengan subseksyen 376(1) Kanun Tatacara Jenayah.

5. Sebagaimana yang telah ditekankan di atas, Peguam Negara boleh memberhentikan pertuduhan di mana-mana peringkat selagi penghakiman belum diberikan oleh Mahkamah dan ini termasuk juga di peringkat selepas kes prima facie telah dibuktikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan mengenai status cadangan penggubalan akta baharu berkaitan 3R (Raja, Agama dan Bangsa) dan sekatan yang dikenakan kepada portal berita seperti Utusan TV, MalaysiaNow dan TV Pertiwi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menjalankan tanggungjawab dan fungsi-fungsinya berdasarkan peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Salah satu tanggungjawab perundangan utama MCMC adalah memastikan platform dalam talian tidak diguna pakai untuk sebarang pelakuan atau percubaan melakukan pelanggaran di bawah undang-undang bertulis Malaysia.

MCMC mempunyai autoriti dan kewajipan untuk mengambil tindakan kawal selia terhadap penyebaran maklumat palsu, kandungan jelik, mengancam dan berunsur fitnah. Tindakan yang diambil oleh MCMC bukan untuk menyekat kebebasan media tetapi bagi memastikan penyebaran maklumat dilakukan secara bertanggungjawab dan tanpa menyebarkan fitnah ataupun maklumat yang kurang tepat, ucapan berbaur kebencian, serta melindungi integriti raja berperlembagaan dan institusi demokrasi dengan penghormatan daripada sebarang percubaan untuk mencetuskan kebencian atau penghinaan.

MCMC menasihatkan pengamal media serta saluran berita untuk merujuk kepada Kod Kandungan yang memberi panduan jelas berhubung standard kandungan yang selaras dengan Akta 588. Dengan mematuhi Kod Kandungan, pengamal media dapat memastikan pelaporan yang bertanggungjawab selain mengelakkan daripada melangkaui batas kebebasan bersuara.

MCMC turut mengambil inisiatif untuk mengadakan beberapa sesi dialog dan libat urus bersama organisasi media bagi membincangkan isu-isu yang berbangkit. Inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan secara berterusan sebagai suatu langkah inklusif agar secara bersama dapat diwujudkan persekitaran digital yang lebih positif, harmoni, dan kondusif untuk semua.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN
AHMAD KAMAL [MACHANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap tuntutan China yang disifatkan tidak mempunyai asas untuk meletakkan kawasan negara khususnya perairan Sabah dan Sarawak dalam daerah kekuasaannya berdasarkan undang-undang antarabangsa seperti yang digambarkan menerusi Peta Standard Edisi 2023 negara itu.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Machang atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu Berhubung Peta Standard China Edisi 2023

SOALAN NO : 30

2. Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan China di Laut China Selatan, berdasarkan Peta 9-Garis (atau dengan izin, *Nine Dash Line map*), konsep Empat-Sha (atau dengan izin, *Four Sha concept*) atau mana-mana peta yang diterbitkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China, yang meliputi kawasan maritim Malaysia. Penerbitan Peta Standard China Edisi 2023 pada 28 Ogos 2023 adalah tindakan sepihak (atau dengan izin, *unilateral act*) Kerajaan Republik Rakyat China dan tidak mengikat Malaysia.

3. Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan kenyataan media berhubung pendirian Malaysia yang tidak mengiktiraf tuntutan China di Laut China Selatan, seperti yang digariskan dalam “Peta Standard China Edisi 2023” yang meliputi kawasan maritim Malaysia.

4. Kerajaan Malaysia juga telah mengemukakan bantahan diplomatik kepada China dan dengan tegas menolak tuntutan kedaulatan, hak kedaulatan dan bidang kuasa China ke atas fitur maritim atau kawasan maritim di Laut China Selatan, yang meliputi kawasan maritim Malaysia berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979 kerana ia tidak konsisten dengan undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 (KUUL 1982) atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS 1982)*.

Pendekatan Malaysia terhadap Isu Laut China Selatan

5. Dalam hal ini, Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

6. Antara usaha serantau untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai, dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002. Selaras dengan persefahaman di bawah DOC tersebut, negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, “*self-restraint*” dan

SOALAN NO : 30

memastikan tindakan-tindakan yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Laut China Selatan, tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut.

7. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan, dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

8. Rundingan COC tersebut sedang dilaksanakan oleh Negara-Negara Anggota ASEAN dan China menerusi platform, dengan izin, *ASEAN-China Joint Working Group on the Implementation of the DOC* (JWG-DOC), berdasarkan satu *Single Draft Negotiating Text* (SDNT) COC yang digunakan sebagai asas rundingan.

9. Mesyuarat JWG DOC yang terkini telah diadakan dari 23 hingga 25 Oktober 2023 di Beijing, China. Mesyuarat JWG DOC ini disusuli, dengan izin, *ASEAN-China Senior Officials' Meeting on the Implementation of the Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (SOM-DOC) pada 26 Oktober 2023. Mesyuarat meneruskan perbincangan berhubung pelaksanaan DOC serta rundingan draf SDNT COC yang dalam proses bacaan ketiga.

10. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan dana MITRA sebanyak RM100 juta bagi tahun 2023 yang telah dibelanjakan sehingga 30 September 2023. Perincian juga mengikut kategori yang telah disalurkan dan senarai NGO-NGO yang menerima dana bagi tujuan membantu sosial ekonomi masyarakat India.

JAWAPAN**YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah memanfaatkan sepenuhnya peruntukan berjumlah RM100 juta bagi tahun 2023 dengan jumlah kelulusan program sebanyak RM103.9 juta sehingga 30 September 2023, seperti berikut: -

Bil	Nama Program	Organisasi	Kos (RM)
1	Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta (Tamil) Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (Kpm)	Tadika (Permohonan)	10,800,000.00
2	Subsidi Bantuan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Bagi Pelajar India B40 Di Universiti Awam & Swasta	Bank Simpanan Nasional	20,000,000.00
3	Program Licensed Aircraft Maintenance Technicians - Lamt "(Caam Part 66 Category A1/A3)	Weststar Aviation Servicess (WASSB)	6,000,000.00
4	Program Teknikal Drone Operations & Data Services (Dod)	SG Education Group	1,483,500.00
5	Electrified Automation Advancement Programme (Eaap)	SG Education Group	2,875,000.00
6	Program Bantuan Komputer Riba (Refurbished) Untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	Cloudspace (Google For Education)	2,994,000.00

Bil	Nama Program	Organisasi	Kos (RM)
7	Program Bantuan Subsidi Dialisis Mitra	Pusat Dialisis (Permohonan)	8,640,000.00
8	Program Pembangunan Sosioekonomi Bersasar Dengan Kerjasama Dengan 72 Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen	Pusat Khidmat Ahli Parlimen	7,200,000.00
9	Permohonan Geran oleh Organisasi	Organisasi	30,000,000.00
10	Program Ariviyal Ainthiram (Pemeriksaan Literasi Stem Untuk Murid Sekolah Tamil Di Malaysia)	Malaysian Biotechnolgy Information Centre (MABIC)	698,227.00
11	Program Pembasmian Miskin Tegar Mitra Untuk Ahli Isi Rumah (Air) Berbangsa India Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bank Simpanan Nasional	8,247,958.00
12	Program Bantuan Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) MITRA	Dewan Perniagaan	5,000,000.00
JUMLAH			103,938,685.00

2. Dalam hal ini, sehingga 17hb November 2023 pula, sebanyak RM62.8 juta telah disalurkan seperti berikut: -

Bil	Skop	Perbelanjaan (RM)
1	Program Pembangunan Modal Insan Masyarakat India	29,974,305.00
2	Program Pembangunan Keusahawanan Dan Kerjaya Masyarakat India	22,261,186.47
3	Program Pembangunan Sosial Dan Kebajikan, Kerohanian Dan Kesejahteraan Masyarakat India	10,654,917.75
Jumlah		62,890,409.22

3. Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, senarai penerima dana MITRA bagi program-program di atas dan jumlah dana yang telah diterima (selepas penyaluran telah selesai dibuat) dipaparkan dalam laman web MITRA melalui pautan <https://www.mitra.gov.my/index.php/bm/program-mitra/program-tahun-2023>.

4. Berhubung pertanyaan perincian untuk kelulusan organisasi (iaitu, senarai NGO-NGO) bagi kaedah Permohonan Geran sebanyak RM30 juta yang termasuk dalam senarai program di atas, senarai penerima geran tersebut dan jumlah yang diterima akan disenaraikan dalam laman web MITRA selepas penyaluran telah selesai dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam cadangan reformasi Parlimen, adakah Kerajaan bercadang melulus dan membenarkan setiap Ahli Parlimen melantik seorang pegawai *intern* yang berkelayakan untuk membantu setiap Ahli Parlimen menjalankan tugas-tugas mereka yang boleh meningkatkan tahap dan profesionalisme Parlimen Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Parlimen Malaysia pada masa ini telahpun menyediakan perkhidmatan Pegawai Penyelidikan kepada semua Ahli Parlimen yang memerlukan. Perkhidmatan Pegawai Penyelidikan yang disediakan adalah secara gunasama dan tidak terhad kepada Ahli Parlimen tertentu sahaja. Pegawai-pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia yang berjumlah seramai 18 orang telahpun melaksanakan tugas penyelidikan dalam pelbagai bidang mengikut permintaan dan keperluan Ahli-ahli Yang Berhormat. Buat masa ini, belum ada rancangan untuk melantik pegawai *intern* bagi setiap Ahli Parlimen. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti dengan lebih lanjut oleh pihak Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status bagi pembinaan Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) sama ada yang telah siap dibina, sedang dalam pembinaan serta projek terbengkalai di seluruh negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) sedia ada dibangunkan untuk memberi manfaat kepada Generasi Baharu yang tinggal di Kawasan Rancangan FELDA. Perinciapan projek PGBF yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut: -

- i. Siap dibina - Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC – 12 tapak (2,458 unit);
- ii. Dalam pembinaan – 11 tapak (2,546 unit);
- iii. Serah kepada Kerajaan Pahang – 10 tapak (1,840 unit); dan
- iv. Terbengkalai tidak ada peruntukan – 7 tapak (1,400 unit).

2. Projek PGBF di kawasan rancangan FELDA yang terbengkalai akan disempurnakan secara berperingkat setelah kewangan FELDA pulih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [TAIPING]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN WONG KAH WOH [TAIPING] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah penjimatan oleh pembeli-pembeli rumah dalam insentif-insentif pengecualian duti setem termasuk i-Milik bagi pembelian rumah yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sila nyatakan juga berapakah jumlah hartanah yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mewartakan pengecualian atau peremitan duti setem yang dikenakan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman yang dilaksanakan menerusi Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-Miliki) pada 9 Jun 2023. Inisiatif ini menawarkan pengecualian atau peremitan duti setem kepada pembeli rumah pertama yang melibatkan rumah berharga sehingga RM1 juta. Inisiatif ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan antaranya perjanjian jual beli disempurnakan di dalam tempoh 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2023.

Berdasarkan pelaporan yang diperoleh dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), sehingga pertengahan September 2023 sebanyak 112 unit hartanah bernilai RM67,978,287 telah direkodkan dengan nilai duti setem berjumlah RM1,392,68. Menerusi pelaksanaan i-Miliki, nilai duti setem yang dikecualikan atau diremitkan berjumlah RM1,078,412.50. Nilai ini merupakan 'penjimatan' yang dinikmati oleh pembeli rumah pertama.

Berdasarkan rekod LHDN juga, daripada 112 unit hartanah yang terlibat, 13 unit merupakan hartanah bernilai RM500,000 dan ke bawah manakala 99 unit adalah hartanah yang bernilai RM500,001 sehingga RM1 juta. Negeri Selangor merekodkan jumlah kelulusan permohonan duti setem tertinggi diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya dan seterusnya di negeri Johor.

Menerusi i-Miliki, anggaran nilai penjimatan yang akan dinikmati oleh pembeli rumah pertama (tertakluk kepada syarat yang ditetapkan) yang membeli rumah berharga RM300,000 sehingga RM500,000 ialah dalam julat RM8,000 sehingga RM14,000.

Sekian, terima kasih.